

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN
BIL. 1/2008**

Tarikh: 25 Februari 2008 (Isnin)
Masa: 12.30 tengah hari
Tempat: Bilik Gerakan
Tingkat 16, Blok 9,
Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Duta, Kuala Lumpur

Kehadiran:

1.	Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Shukor Bin Hj. Mahfar	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) (Pengerusi)
2.	Encik Mohd. Idris Bin Mamat	Pengarah Jabatan Pematuhan
3.	Encik Sait @ Mohammad Sait Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil
4.	Encik Kamaruzzaman Bin Hj Ab. Salleh	Pengarah Cawangan Jalan Duta
5.	Cik Puteh Mariah Bt. Harun	Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Pengurusan Hasil
6.	Cik Halijah Bt. Bulat	Pengarah Jabatan Teknikal
7.	Encik Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pemprosesan
8.	Encik Abdul Rahaman Bin Kamaruzaman	Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan
9.	Dr. Veerinderjeet Singh	Malaysian Institute of Taxation (MIT)
10.	Encik Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
11.	Y. Bhg. Dato' Raymond Liew Lee Leong	Malaysian Institute of Accountants (MIA)

12.	Encik Sam Soh Siong Hoon	MIA
13.	Cik Frances Po	MIA
14.	Encik Danial Badderon	Malaysian Association of Tax Agents (MATA)
15.	Encik Rosalie Md Usop	MATA
16.	Pn Salmizah Bt. Mokhtar	MATA
17.	Encik Md. Seniman Bin Selamat	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Pengurusan Hasil (Urusetia)

BIL	PERKARA
1.	<p data-bbox="272 394 715 427">Pembentukan <i>Working Group</i></p> <p data-bbox="272 465 1394 568">Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan perbincangan <i>working group</i> antara LHDNM dan persatuan akauntan pada 16 Mei 2008 (Jumaat – pagi). Perbincangan berikutnya akan diadakan pada pertengahan bulan Julai 2008.</p> <p data-bbox="272 607 963 640">Di antara yang akan dibincangkan seperti berikut:</p> <ul data-bbox="336 678 1214 786" style="list-style-type: none"> • e-Filing (modul ejen cukai) dan e-Filing untuk pembayar cukai • Program memfailkan borang nyata • e-Pendaftaran <p data-bbox="272 824 1394 891">Persatuan boleh menghantar seorang atau dua orang wakil mengikut kesesuaian.</p>
2.	<p data-bbox="272 969 667 1003">e-Filing (modul ejen cukai)</p> <p data-bbox="272 1041 1394 1137">Pihak persatuan diminta memberikan maklum balas berhubung dengan e-Filing bagi modul ejen cukai untuk penambahbaikan kerana sistem ini baru diperkenalkan.</p>
3.	<p data-bbox="272 1223 392 1256">'Infotax'</p> <p data-bbox="272 1294 1394 1420">Mesyuarat dimaklumkan LHDNM akan memperkenalkan '<i>Infotax</i>' di Pusat Perkhidmatan Pelanggan di Pusat Pemprosesan Pandan Indah. Pihak persatuan diminta memberikan maklum balas berhubung dengan perkhidmatan tersebut apabila dilancarkan kelak.</p> <p data-bbox="272 1458 1394 1563">Pihak persatuan digesa supaya mendapatkan maklumat daripada sumber sebenar dalam sesuatu isu / masalah dan sebarang pertanyaan hendaklah di buat melalui surat.</p>

<p>4.</p>	<p>Penyedia Perisian (<i>Software providers</i>)</p> <p>Mesyuarat bersetuju penyedia-penyedia perisian boleh menghadiri perbincangan dengan LHDNM melalui persatuan akauntan.</p> <p>Pihak urusetia persatuan akauntan akan menyerahkan senarai nama penyedia-penyedia perisian kepada urusetia dialog.</p> <p>Pihak penyedia perisian boleh memberikan maklum balas atau cadangan berhubung sesuatu sistem yang dilaksanakan oleh LHDNM. Bagaimanapun, LHDNM akan mengkaji sama ada cadangan mereka sesuai atau tidak untuk dilaksanakan.</p>
<p>5.</p>	<p>Pusat Pemprosesan Pandan Indah</p> <p>Mesyuarat bersetuju mesyuarat pada bulan Mei 2008 diadakan di Pusat Pemprosesan Pandan Indah. Selepas perbincangan, wakil persatuan akan dibawa melawat Pusat Pemprosesan Pandan Indah untuk memahami aktiviti pemprosesan borang.</p>
<p>6.</p>	<p>Nama <i>Working Group</i></p> <p>Y. Bhg. Dato' Pengerusi meminta pihak persatuan mencadangkan nama yang sesuai bagi pasukan petugas ini.</p>
<p>7.</p>	<p>PENUTUP</p> <p>Y. Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan menamatkan mesyuarat pada pukul 1.15 tengah hari.</p>